# D.R. 12/2011

## RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN 2011

SUSUNAN FASAL


Bahagian I

PERMULAAN

*Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

Bahagian II

PIHAK BERKUASA

3. Penubuhan Pihak Berkuasa
4. Keanggotaan Pihak Berkuasa
5. Tempoh jawatan
6. Elaun
7. Pengerusi
8. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
9. Pengosongan jawatan
10. Jawatankuasa
11. Penzahiran kepentingan

Bahagian III

FUNGSI DAN KUASA PIHAK BERKUASA

12. Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa
13. Pewakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa
14. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
15. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

### Bahagian IV

#### PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PIHAK BERKUASA

*Fasal*

16. Ketua Eksekutif
17. Pelantikan pegawai dan pekhidmat lain
18. Pinjaman dan wang pendahuluan
19. Pembayaran faedah persaraan, dsb.
20. Pihak Berkuasa boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.
21. Pengambilan khidmat
22. Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib

### Bahagian V

#### KEWANGAN

23. Kumpulan Wang
24. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
25. Pemeliharaan Kumpulan Wang
26. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
27. Akaun bank
28. Kuasa untuk meminjam
29. Pelaburan
30. Tatacara kewangan
31. Tahun kewangan
32. Akaun dan laporan
33. Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

### Bahagian VI

#### AM

34. Pemulaan pendakwaan
35. Pekhidmat awam
36. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
37. Kewajipan kerahsiaan
38. Pewakilan dalam prosiding sivil
39. Kuasa untuk mengambil khidmat
40. Peraturan-peraturan
41. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan pembuatan Akta ini

Jadual

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan untuk mengawal dan mengawal selia peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya, dan menguatkuasakan undang-undang peranti perubatan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## Bahagian I

## PERMULAAN

### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### Tafsiran

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"anggota" ertinya anggota Pihak Berkuasa di bawah seksyen 4;

"jawatankuasa" ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 10;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan;

"Pengerusi" ertinya Ketua Pengarah Kesihatan;

"Pihak Berkuasa" ertinya Pihak Berkuasa Peranti Perubatan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2);

"undang-undang peranti perubatan" ertinya Akta ini dan Akta Peranti Perubatan 2011 [*Akta* ], dan termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang ini.

## Bahagian II

## PIHAK BERKUASA

**Penubuhan Pihak Berkuasa**

**3.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Pihak Berkuasa Peranti Perubatan" ditubuhkan.

(2) Pihak Berkuasa adalah kekal turun-temurun dan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Pihak Berkuasa boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Pihak Berkuasa, boleh, atas apa-apa terma yang disifatkannya patut—

*(a)* membuat kontrak;

*(b)* memperoleh, membeli, mengambil, mencagar, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih; dan

*(c)* memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan, atau selainnya melupuskan, atau memperlakukan mana-mana harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya yang terletak hak pada Pihak Berkuasa.

**Keanggotaan Pihak Berkuasa**

**4.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* Ketua Pengarah Kesihatan sebagai Pengerusi;

*(b)* Ketua Eksekutif;

*(c)* seorang wakil Kementerian Kewangan;

(*d*) seorang wakil Kementerian Kesihatan; dan

*(e)* tidak lebih daripada lima orang yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman dalam hal perkara peranti perubatan yang dilantik oleh Menteri.

(2) Peruntukan dalam Jadual hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa.

(3) Menteri boleh meminda peruntukan dalam Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

**Tempoh jawatan**

**5.** (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(e)* hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(2) Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(e)* hendaklah layak untuk dilantik semula tetapi tiada anggota boleh memegang jawatan lebih daripada dua penggal berturut-turut.

**Elaun**

**6.** (1) Pengerusi hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

(2) Semua anggota lain Pihak Berkuasa, selain Ketua Eksekutif, hendaklah dibayar apa-apa elaun pada kadar yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

**Pengerusi**

**7.** (1) Pengerusi Pihak Berkuasa hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Pihak Berkuasa.

(2) Semasa ketiadaan Pengerusi atas apa-apa sebab, Menteri hendaklah melantik Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan untuk melaksanakan tugas-tugas Pengerusi.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**8.** (1) Pelantikan mana-mana anggota Pihak Berkuasa selain anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(a)*, *(b)*, *(c)* dan *(d)* boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab.

(2) Seseorang anggota selain Ketua Eksekutif boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis bertulis yang dialamatkan kepada Menteri.

**Pengosongan jawatan**

**9.** Jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa, selain Ketua Eksekutif hendaklah menjadi kosong—

*(a)* jika dia mati;

*(b)* jika telah dibuktikan terhadapnya atau jika dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan melibatkan penipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

*(c)* jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai anggota Pihak berkuasa atau selainnya, ialah kelakuan yang memburukkan nama Pihak Berkuasa;

*(d)* jika dia menjadi bankrap;

*(e)* jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan tugasnya;

*(f)* dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Menteri;

*(g)* dalam hal seseorang anggota Pihak Berkusa selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga hati berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;

*(h)* jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau

*(i)* jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(1)*(e)* terhenti menjadi anggota Pihak Berkuasa, Menteri boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang anggota yang mengosongkan jawatan itu dilantik mengikut peruntukan yang terpakai.

**Jawatankuasa**

**10.** (1) Pihak Berkuasa boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu melaksanakan fungsinya.

(2) Pihak Berkuasa boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Pihak Berkuasa boleh melantik mana-mana orang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(7) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(9) Sesuatu jawatankuasa adalah tertakluk kepada, dan hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Pihak Berkuasa.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

*(a)* minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

*(b)* salinan minit mesyuaratnya hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(13) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (12) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

**Penzahiran kepentingan**

**11.** (1) Seseorang anggota Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 10 yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menzahirkan kepada Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

*(a)* tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan

*(b)* tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Pihak Berkuasa atau jawatankuasa boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud subseksyen (1)—

"anggota keluarganya" termasuklah—

*(a)* suami atau isterinya;

*(b)* ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);

*(c)* anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);

*(d)* adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan

*(e)* suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

"sekutu" ertinya—

*(a)* orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;

*(b)* firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;

*(c)* pekongsi anggota itu;

*(d)* pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari; atau

*(e)* mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

## Bahagian III

## FUNGSI DAN KUASA PIHAK BERKUASA

**Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa**

**12.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa yang dikenakan ke atasnya di bawah undang-undang peranti perubatan dan hendaklah juga mempunyai fungsi yang berikut:

*(a)* melaksanakan dan menguatkuasakan dan menimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang peranti perubatan;

*(b)* untuk mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya;

*(c)* untuk menggalakkan dan mempromosi pembangunan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya termasuklah dalam bidang penyelidikan dan latihan;

*(d)* untuk memberi perkhidmatan perundingan dan nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain berhubung dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya;

*(e)* untuk menggunakan segala harta Pihak Berkuasa, harta alih dan tak alih, mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Pihak Berkuasa termasuk mendapatkan pinjaman bagi menggadai janji apa-apa harta;

*(f)* untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa; dan

*(g)* untuk memberi pinjaman dan biasiswa kepada pekhidmat Pihak Berkuasa bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu, bagi atau berkaitan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

**Pewakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa**

**13.** (1) Pihak Berkuasa boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya kecuali kuasa membuat perundangan subsidiari, kepada—

*(a)* Pengerusi;

*(b)* seseorang anggota Pihak Berkuasa; atau

*(c)* suatu jawatankuasa.

(2) Seseorang anggota Pihak Berkuasa atau suatu jawatankuasa mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diwakilkan dengan fungsi dan kuasa tersebut terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Pihak Berkuasa daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi dan kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

**Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

**14.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi Pihak Berkuasa arahan yang bersifat am selaras dengan peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa dan Pihak Berkuasa hendaklah melaksanakan arahan itu dengan seberapa segera yang mungkin.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**15.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah memberi Menteri apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktiviti dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Penyata, laporan, akaun dan maklumat itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan ulasan dan dasar Pihak Berkuasa dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

## Bahagian IV

## PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PIHAK BERKUASA

**Ketua Eksekutif**

**16.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang yang mempunyai kelayakan saintifik, pengetahuan teknikal dan pengalaman dalam bidang peranti perubatan atau perkara yang berhubungan dengan peranti perubatan untuk menjadi Ketua Eksekutif bagi menjalankan fungsi Pihak Berkuasa atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan wajar.

(2) Semasa ketiadaan Ketua Eksekutif atas apa-apa sebab, Menteri hendaklah melantik seorang pegawai Pihak Berkuasa untuk melaksanakan tugas-tugas Ketua Eksekutif.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah meletakhakkan pada Ketua Eksekutif apa-apa fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa di bawah Akta ini.

(4) Ketua Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Pihak Berkuasa pada keseluruhannya.

(5) Ketua Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.

(6) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Menteri atau Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.

**Pelantikan pegawai dan pekhidmat lain**

**17.** (1) Pihak Berkuasa boleh mengambil khidmat apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat yang difikirkan wajar dan perlu dan atas apa-apa terma dan syarat yang didapatinya sesuai bagi menjalankan maksud undang-undang peranti perubatan.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, menentukan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

**Pinjaman dan wang pendahuluan**

**18.** Pihak Berkuasa boleh memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

**Pembayaran faedah persaraan, dsb.**

**19.** Pihak Berkuasa boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pegawai dan pekhidmatnya dan orang tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

**Pihak Berkuasa boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.**

**20.** Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, surat pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian ini.

**Pengambilan khidmat**

**21.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, menerima ke dalam pengambilan khidmatnya tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh itu berada dalam pengambilan khidmat atau perkhidmatan Biro Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan, Malaysia dan yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan Malaysia dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja Pihak Berkuasa.

(2) Tiap-tiap orang yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja Pihak Berkuasa hendaklah diambil khidmat oleh Pihak Berkuasa atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

(3) Sehingga terma dan syarat perkhidmatan pekerjanya ditentukan oleh Pihak Berkuasa, skim dan terma dan syarat perkhidmatan termasuk undang-undang yang terpakai bagi kelakuan dan tatatertib pekerja Kerajaan hendaklah, secara *mutatis mutandis* terus terpakai bagi tiap-tiap orang yang diambil khidmat oleh Pihak Berkuasa di bawah subseksyen (1).

(4) Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubah suaian yang perlu kepada skim dan terma dan syarat perkhidmatan yang disebut dalam subseksyen (3) bagi maksud menghapuskan kesulitan yang berbangkit daripada peruntukan subseksyen itu.

**Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib**

**22.** (1) Jika pada tarikh yang ditetapkan apa-apa prosiding tatatertib belum selesai atau wujud terhadap mana-mana pekerja Kerajaan yang telah memilih untuk masuk ke dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa, prosiding itu hendaklah diteruskan dan diselesaikan oleh

Pihak Berkuasa, dan undang-undang yang terpakai bagi pekerja itu sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan berhubung dengan prosiding itu hendaklah terpakai bagi prosiding yang diteruskan dan diselesaikan di bawah seksyen ini.

(2) Sesuatu perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh sesuatu pihak berkuasa tatatertib Pihak Berkuasa menurut seksyen ini hendaklah berkenaan dengan pekerja Kerajaan itu sedemikian mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama dengan perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib atau Lembaga Rayuan Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubah suaian yang perlu kepada undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1) dalam pemakaiannya kepada pekerja Kerajaan itu jika perlu bagi maksud menghapuskan kesulitan yang berbangkit daripada peruntukan subseksyen itu.

## Bahagian V

## KEWANGAN

**Kumpulan Wang**

**23.** (1) Suatu Kumpulan Wang yang dinamakan "Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan" ditubuhkan dan hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Pihak Berkuasa.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

*(a)* apa-apa wang yang diperuntukkan oleh Parlimen dari semasa ke semasa bagi maksud Akta ini dan undang-undang peranti perubatan;

*(b)* semua atau mana-mana bahagian fi pendaftaran, lesen atau fi lain, caj pentadbiran, levi atau caj lain yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa di bawah undang-undang peranti perubatan;

*(c)* semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa;

(*d*) semua wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Pihak Berkuasa;

(*e*) semua wang yang didapati daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Pihak Berkuasa;

(*f*) semua wang dan harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya;

(*g*) wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa di bawah seksyen 28; dan

(*h*) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Pihak Berkuasa.

**Pembelanjaan hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang**

**24.** (1) Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut—

(*a*) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Pihak Berkuasa;

(*b*) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Pihak Berkuasa dan anggota jawatankuasa dan saraan dan perbelanjaan lain pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa, termasuklah pemberian pinjaman dan wang pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan dan ganjaran;

(*c*) membayar apa-apa belanja, kos, perbelanjaan atau bayaran lain yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Pihak Berkuasa dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah undang-undang peranti perubatan termasuklah pengambilan perunding, fi dan kos guaman serta caj dan kos lain;

(*d*) membeli atau menyewa kelengkapan, mesin dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasa di bawah undang-undang peranti perubatan;

(*e*) membayar balik apa-apa wang yang dipinjamkan di bawah seksyen 28 dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan

(*f*) pada amnya membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan undang-undang peranti perubatan.

**Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**25.** Pihak Berkuasa berkewajipan memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Pihak Berkuasa mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuklah susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

**Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**26.** (1) Perbelanjaan Pihak Berkuasa setakat amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum 1 September setiap tahun, Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan termasuklah perbelanjaan bagi program penyelidikan dan pembangunan bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum 1 Januari tahun yang berikutnya, memberitahu Pihak Berkuasa amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan tambahannya bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran perbelanjaan tambahan itu.

**Akaun bank**

**27.** Pihak Berkuasa hendaklah membuka dan menyenggara suatu akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana institusi atau institusi-institusi kewangan di Malaysia yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa, selepas berunding dengan Menteri; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan seberapa yang boleh melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

**Kuasa untuk meminjam**

**28.** Pihak Berkuasa boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi melaksanakan mana-mana kewajipannya.

**Pelaburan**

**29.** Wang Pihak Berkuasa hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

**Tatacara kewangan**

**30.** Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan kelulusan Menteri, Pihak Berkuasa hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

**Tahun kewangan**

**31.** Tahun kewangan Pihak Berkuasa hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Akaun dan laporan**

**32.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan supaya disimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan laporan aktivitinya yang sepatutnya disimpan dan hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

*(a)* suatu penyata akaun Pihak Berkuasa yang hendaklah mengandungi suatu kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan

*(b)* suatu pernyataan mengenai aktiviti.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan supaya penyata akaun itu diaudit oleh juruaudit bebas yang dilantik oleh Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan supaya penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(4) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa.

**Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan**

**33.** Pihak Berkuasa boleh atas arahan Kerajaan Persekutuan menyebabkan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan suatu amaun tidak melebihi dua puluh peratus daripada lebihan semasa tahunannya selepas tahun kelima pengendaliannya.

## Bahagian VI

### AM

**Pendakwaan**

**34.** Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tanpa keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

**Pekhidmat awam**

**35.** Pengerusi, anggota Pihak Berkuasa dan mana-mana jawatankuasanya, dan semua pegawai dan ejen Pihak Berkuasa, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai Pengerusi, anggota, pegawai atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**36.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pihak Berkuasa, mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai atau ejen Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

**Kewajipan kerahsiaan**

**37.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Pihak Berkuasa—

*(a)* tiada anggota Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pegawai atau ejen Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada dalam tempoh jawatannya

atau dalam tempoh pekerjaannya atau selepas itu, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa melaksanakan tugasnya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini; dan

*(b)* tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Pihak Berkuasa boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Pewakilan dalam prosiding sivil**

**38.** Walau apa pun dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

*(a)* dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Pihak Berkuasa; atau

*(b)* dalam mana-mana prosiding sivil yang lain dalamnya Pihak Berkuasa dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu boleh, bagi pihak Pihak Berkuasa, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan segala perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Pihak Berkuasa.

**Kuasa untuk mengambil khidmat**

**39.** Pihak Berkuasa boleh mengambil khidmat dan membayar ejen, penasihat-penasihat teknikal dan badan penilaian pematuhan, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, perunding dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

**Peraturan-peraturan**

**40.** Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa, membuat peraturan-peraturan sebagaimana perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan sepenuhnya atau bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

**Perkara yang dilakukan pada menjangkakan pembuatan Akta ini**

**41.** Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Pihak Berkuasa sebagai persediaan atau ke arah pelaksanaan yang sepatutnya Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, pada menjangkakan pembuatan Akta ini hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dan segala hak yang diperoleh atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Pihak Berkuasa daripada apa-apa yang dilakukan sedemikian hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Pihak Berkuasa.

JADUAL

[Seksyen 4]

**Masa dan tempat mesyuarat**

**1.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat dan pada masa yang diputuskan oleh Pengerusi, dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada dua bulan berlalu antara mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat jika diminta berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri atau oleh sekurang-kurangnya dua orang anggota Pihak Berkuasa.

**Kuorum**

**2.** Pengerusi dan empat anggota Pihak Berkuasa yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa.

**Undi pemutus**

**3.** Jika mengenai apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Pihak Berkuasa terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

**Pihak Berkuasa boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

**4.** (1) Pihak Berkuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Pihak Berkuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkannya, tetapi mana-mana orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

**Ketetapan tanpa bermesyuarat**

**5.** (1) Sesuatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa jika—

*(a)* semua anggota Pihak Berkuasa telah dimaklumkan tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Pihak Berkuasa tentang ketetapan yang dicadangkan itu; dan

*(b)* tanpa bermesyuarat, semua anggota Pihak Berkuasa menandakan persetujuan tentang ketetapan itu mengikut cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Pihak Berkuasa—

*(a)* memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan

*(b)* memutuskan cara yang dengannya anggota Pihak Berkuasa boleh menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

**Meterai perbadanan bagi Pihak Berkuasa**

**6.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa dan meterai itu dari semasa ke semasa boleh ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa.

(2) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa oleh Ketua Eksekutif dan hendaklah disahkan olehnya atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Ketua Eksekutif secara bertulis.

(3) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, dan yang disahkan mengikut subseksyen (2), hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Walau apapun subseksyen (3), mana-mana surat ikatan, dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh pegawai Pihak Berkuasa yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu.

(5) Meterai Pihak Berkuasa hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**Minit**

**7.** (1) Pihak Berkuasa dan tiap-tiap jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan salinan minit kesemua mesyuaratnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Pihak Berkuasa atau sesuatu jawatankuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima dalam mana-mana prosiding undang-undang sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya dan

(4) Tiap-tiap mesyuarat Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat sewajarnya mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Tatacara**

**8.** Pihak Berkuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

**9.** Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

*(a)* ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan Pihak Berkuasa; atau

*(b)* apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

**Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa**

**10.** Anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.

---

HURAIAN

Akta Peranti Perubatan 2011 yang dicadangkan ("Akta yang dicadangkan") bertujuan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai "Pihak Berkuasa Peranti Perubatan" ("Pihak Berkuasa") yang akan dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengawal dan mengawal selia peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya, serta melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang peranti perubatan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan membenarkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Fasal 2* mengandungi takrif pelbagai ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan berhubung dengan penubuhan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.

*Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pihak Berkuasa.

*Fasal 4 dan 5* mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Pihak Berkuasa dan tempoh jawatan anggotanya.

*Fasal 6* mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota Pihak Berkuasa.

*Fasal 7* menyatakan bahawa Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa.

*Fasal 8* mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan anggota Pihak Berkuasa.

*Fasal 9* menyatakan keadaan yang menjadikan jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa kosong.

*Fasal 10* bertujuan mengadakan peruntukan untuk memberi Pihak Berkuasa kuasa menubuhkan jawatankuasa untuk membantu Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsi di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 11* mengenakan kewajipan ke atas seseorang anggota Pihak Berkuasa dan sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa untuk menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa atau jawatankuasa.

### Bahagian III

4. Bahagian III Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan berhubung dengan fungsi Pihak Berkuasa.

*Fasal 12* memperkatakan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa.

*Fasal 13* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pewakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa.

*Fasal 14* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa bagi mengeluarkan arahan kepada Pihak Berkuasa.

*Fasal 15* menghendaki Pihak Berkuasa memberikan penyata, akaun dan maklumat kepada Menteri.

### Bahagian IV

5. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai Ketua Eksekutif dan pegawai serta pekhidmat Pihak Berkuasa.

*Fasal 16* mengandungi peruntukan berkenaan dengan kuasa dan kewajipan Ketua Eksekutif.

*Fasal 17* bertujuan untuk memberi Pihak Berkuasa kuasa bagi mengambil kerja pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.

*Fasal 18* bertujuan memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk memberi pinjaman dan pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya.

*Fasal 19* memperkatakan kuasa Pihak Berkuasa untuk membuat bayaran tertentu, seperti faedah persaraan dan ganjaran kepada pegawai dan pekhidmatnya.

*Fasal 20* membenarkan Pihak Berkuasa untuk menerima pakai peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, dsb. yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian III Akta yang dicadangkan yang berkenaan dengan pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.

*Fasal 21 dan 22* memperkatakan tentang pengambilan kerja pekhidmat kerajaan dan penerusan serta penyelesaian tatacara tatatertib.

Bahagian V

6. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan kewangan.

*Fasal 23* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (Kumpulan Wang) dan *fasal 24* menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.

*Fasal 25* meletakkan kewajipan ke atas Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang.

*Fasal 26* memperkatakan tentang perbelanjaan Pihak Berkuasa dan penyediaan anggaran perbelanjaan tahunan.

*Fasal 27* menghendaki Pihak Berkuasa membuka dan menyenggarakan akaun bank.

*Fasal 28* bertujuan membolehkan Pihak Berkuasa meminjam wang manakala *fasal 29* bertujuan membenarkan Pihak Berkuasa melaburkan wang Pihak Berkuasa.

*Fasal 30* membenarkan Pihak berkuasa menentukan tatacara kewangannya sendiri.

*Fasal 31* berhubung dengan tahun kewangan Pihak Berkuasa yang bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

*Fasal 32* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai bagi Pihak Berkuasa.

*Fasal 33* memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa dikehendaki membuat sejumlah bayaran tertentu kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Bahagian VI

7. Bahagain VII Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.

*Fasal 34* bertujuan mengadakan peruntukan pendakwaan.

*Fasal 35* memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa, atau sesuatu jawatankuasa, dan pegawai, pekhidmat dan ejen Pihak Berkuasa hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah semasa melaksanakan kewajipan di bawah Akta dicadangkan.

*Fasal 36* memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pihak berkuasa, anggotanya, atau mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.

*Fasal 37* memperuntukan kewajipan menjaga kerahsiaan.

*Fasal 38* memperkatakan pewakilan dalam prosiding sivil.

*Fasal 39* memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk mengambil khidmat penasihat teknikal dan pakar perunding yang lain.

*Fasal 40* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

*Fasal 41* bertujuan mengadakan peruntukan bagi keesahan tindakan yang dibuat pada menjangkakan pembuatan Akta yang dicadangkan.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN($U^2$)2609]